

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 JULY 2017

Kerajaan mahu hapus amalan kroni kapitalis

➔ Tiada lagi urus niaga sebelah pihak, kepentingan rakyat diutamakan

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan pimpinannya sekarang sedang menghapuskan amalan kroni kapitalis dengan tiada lagi urus niaga sebelah pihak, tiada lagi binaan negara untuk menjaga ego seseorang dan tiada lagi menjadikan syarikat negara seperti hak peribadi.

Menurut Perdana Menteri, disebabkan amalan itu, rakyat yang terpaksa menanggung dan kerajaan tidak akan menerima lagi hanya segelintir berjaya, yang bukan di atas merit mereka sendiri, sambil ramai yang dinafikan peluang, semua demi kepentingan sesetengah pihak.

Berikutan itu kata beliau, kerajaan pimpinannya tidak menggunakan jalan mudah atau populis seperti dilakukan pembangkang, kerana mahu meletakkan kepentingan rakyat di hadapan, daripada kebajikan ekonomi hinggalah ke-

selamatan.

Katanya, contoh paling ketara ialah idea pembangkang mahu memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dianggap seorang penganalisis bebas terkemuka Malaysia, Pengarah Ekonomi di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia sebagai 'tidak munasabah' dan 'mengarut dari segi ekonomi'.

Guna jalan mudah

"Ia satu lagi contoh apa yang dilakukan pembangkang semasa berdepan keputusan yang sukar, mereka menggunakan jalan mudah atau populis, tidak mengira sama ada ia wajar atau boleh dilaksanakan. Mereka tidak berlaku jujur dengan rakyat. Kerajaan ini, bagaimanapun, akan sentiasa jujur dengan rakyat dan akan sentiasa melakukan perkara yang betul demi rakyat.

"Malah, jika ia bukan perkara paling popular untuk dilakukan, kami tidak akan teragak-agak, kerana ia adalah tanggungjawab untuk negara. Ini juga salah satu sebab saya tidak popular dengan seseorang yang berusia 90-an. Di



Najib bersama (dari kiri) Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Seri Tajuddin Atan; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Ranjit Ajit Singh; Mustapa, Johari, Amirsham dan Ali Hamsa pada pelancaran pasaran LEAP sempena Invest Malaysia Kuala Lumpur 2017 di Kuala Lumpur, semalam.

bawah kepemimpinannya, banyak perkara dilakukan dengan cara yang mudah, dan rakyat terpaksa membayar harga yang tinggi supaya segelintir rakannya mendapat manfaat, malah banyak keputusan yang dahsyat dan mendatangkan masalah terpaksa dibuat ke atas simbol kebanggaan negara," katanya.

Najib berucap pada persidangan tahunan Invest Malaysia Kuala Lumpur (IMKL), di sini semalam. Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Pengerusi Kumpulan CIMB, Datuk Seri Nazir Razak dan Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Amirsham A Aziz.

Mengenai pembangkang, Najib menyifatkan parti gabungan itu sebagai kumpulan terdesak, berbalah sesama sendiri seperti persembahan boneka dan berharap kepada individu berumur lebih 90 tahun untuk memimpin mereka.

Perdana Menteri berkata individu terbabit adalah 'nonagenari-

an' (berumur lebih 90 tahun), bukan Ahli Parlimen dan mempunyai hanya satu kerusi Parlimen.

Dipercayai, Najib merujuk kepada Tun Dr Mahathir Mohamad yang kini berusia 92 tahun.

Pembangkang huru-hara

Katanya, pakatan pembangkang ketika ini huru-hara dan tidak dapat membuat sebarang keputusan secara sebulat suara membabitkan isu kewujudan pakatan lama di Selangor.

"Ya wujud' kata seorang,"Oh tidak wujud' kata seorang lagi. (Situasi berkenaan) macam persembahan boneka Punch and Judy. Struktur pimpinan baharu pakatan pembangkang mengarut, ia dilihat seperti program kerja bagi pesara politik," katanya.

Punch and Judy adalah persembahan boneka ganas yang menampilkan Mr Punch dan isterinya Judy. Persembahan itu biasanya dibuat dalam turutan babak pendek, mengentengahkan interaksi dua karakter, biasanya Mr Punch dan satu lagi watak yang selalunya menjadi mangsa pukulan Mr Punch.

Selain itu, Perdana Menteri ber-

kata struktur pemimpin baharu itu juga hanya sekadar 'tipu helah', dengan tiga daripada pemimpinnya tidak mempunyai kepastian siapa dalam kalangan mereka mempunyai kuasa eksekutif.

Mengulas mengenai perkembangan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Najib berkata langkah rasionalisasi syarikat berkenaan ketika ini berjalan dengan lancar dan kebanyakan aset yang sebelum ini dimiliki syarikat 1MDB, meningkat.

"Seseorang hanya perlu memandang di hadapan Tun Razak Exchange untuk melihat proses pembinaan baharu untuk kepastian (aset 1MDB meningkat). Tetapi jangan lupa wujud isu membabitkan 1MDB, segelintir ahli politik suka memperbesarkan sesuatu isu, sabotaj syarikat (1MDB), sebagai usaha untuk menjatuhkan kerajaan antara kitaran musim pilihan raya," katanya.

➔ Lagi berita Bisnes B1, B2

➔ Ucaptama Ms.11,12 dan 13

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

